

Hanya 200 perniagaan layak sertai francais

KUALA LUMPUR 1 Ogos – Terdapat hanya 200 perniagaan di Malaysia yang layak untuk menyertai skim francais buat masa ini.

Malaysia telah memulakan industri francais sejak tahun 80-an, tetapi ia tidak berkembang dengan pesat walaupun kerajaan amat menggalakkan pembangunan bidang itu.

Menurut seorang perunding francais terkemuka, Ramon Vinay kebanyakan usahawan tempatan hanya melihat potensi perniagaan mereka untuk 'diri sendiri' sahaja dan tidak melihatnya sebagai peluang perniagaan untuk orang lain.

"Tindakan ini silap kerana dengan berpandangan demikian, mereka tidak akan dapat meluaskan pasaran ke lebih banyak tempat terutama di luar negara dan me-



RAMON VINAY

lebarakan jaringan perniagaan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Vinay ialah Naib Presiden, Bahagian Pembangunan Glo-

bal Francorp International (Francorp) yang berpusat di Chicago, Amerika Syarikat.

Francorp, dikatakan terlibat dalam membangunkan industri francais di Filipina pada pertengahan tahun 90-an dan kini dikatakan berkembang pesat.

Menurut Vinay lagi, pihaknya tidak akan membenarkan dengan sewenang-wenangnya mana-mana syarikat yang mahu menyertai program francais kendaliannya sebelum analisis terperinci mengenai kedudukan perniagaan dijalankan.

Sekiranya analisis yang dijalankan mendapati syarikat tersebut 'layak', barulah Francorp akan berusaha untuk merancang strategi dan corak pengurusan syarikat tersebut agar mereka dapat menjadi francaisor yang baik dan berpotensi untuk berjaya, katanya lagi.

"Selepas itu barulah kami menyediakan dokumen undang-undang dan perjanjian yang berkaitan sebelum merancang operasi manual francaisor dan mula 'menjual' program francais itu kepada francais," jelas Vinay lagi.

Mengulas lanjut, beliau menambah, Francorp, yang telah berjaya membangunkan 1,000 program francais di lebih 40 negara juga menyasarkan pembangunan 1,000 program francais di enam negara di benua Asia dalam tempoh tujuh tahun dari sekarang.